

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG]

TARIKH : 8 OKTOBER 2018

SOALAN

DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah tindakan Malaysia dalam kerangka Dasar Luar Malaysia Baharu untuk menyelesaikan konflik Kashmir.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN BERSEKALI

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI [TANGGA BATU]

TARIKH : 14 OKTOBER 2018

SOALAN NO 7

PUAN RUSNAH BINTI ALUAI [TANGGA BATU] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah Malaysia akan terus mengamalkan dasar bebas dan berkecuali terhadap isu Kashmir yang telah dilayan seolah-olah sama seperti apa yang telah dan terus dilakukan Israel terhadap Palestin.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN BERSEKALI

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI [KUALA NERUS]

TARIKH : 17 OKTOBER 2018

SOALAN NO 4

DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI [KUALA NERUS] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan rancangan dan peranan Malaysia dalam isu Kashmir.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Marang di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Izinkan saya menjawab pertanyaan Yang Berhormat Marang bersekali dengan pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tangga Batu dan Yang Berhormat Kuala Nerus, masing-masing bertarikh 14 Oktober dan 17 Oktober, kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut menyentuh isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Sebelum saya menyatakan pendirian Malaysia terhadap isu Jammu dan Kashmir, saya ingin menekankan bahawa Malaysia mempunyai hubungan yang rapat dan strategik dengan India dan Pakistan, kerana hubungan kita dengan kedua-dua negara tersebut mendatangkan banyak manfaat bersama.

NO. SOALAN : 2

4. Sebagaimana Dewan Yang Mulia ini sedia maklum, isu Kashmir mempunyai sejarah tersendiri di mana penyelesaian status Kashmir telah dirundingkan di antara India dan Pakistan. Kita berharap kedua-dua negara akan dapat mencapai penyelesaian yang boleh memenuhi kepentingan dan aspirasi penduduk di sana.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Malaysia berpendirian bahawa penyelesaian isu Kashmir perlu dicapai melalui dialog dan rundingan antara India dan Pakistan mengambil kira resolusi-resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

6. Pendekatan Malaysia ini tidak boleh ditafsirkan sebagai amalan dasar berkecuali terhadap isu Kashmir. Mengambil kira perkembangan baru-baru ini, YAB Perdana Menteri dan Kementerian Luar Negeri telah mengeluarkan kenyataan akhbar berhubung isu Jammu dan Kashmir. YAB Perdana Menteri melalui kenyataan akhbar pada 8 Ogos 2019 telah menyatakan bahawa beliau meletakkan harapan yang tinggi agar kedua-dua negara tersebut dapat mengelakkan perkara yang boleh menjejaskan kestabilan dan kemakmuran di rantau Asia Selatan di samping meminta pihak-pihak berkenaan untuk mematuhi resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu (UNSC). Kementerian Luar Negeri, pada 16 Ogos 2019, turut menyatakan bahawa penyelesaian isu Kashmir perlu dilaksanakan melalui dialog and rundingan di antara kedua-dua negara, dengan mengambil kira kepentingan rakyat Kashmir.

7. Isu Kashmir telah dibincangkan oleh YAB Perdana Menteri dengan Perdana Menteri Pakistan, TYT Imran Khan pada 5 Ogos 2019 melalui panggilan telefon dan Perdana Menteri India, TYT Narendra Modi semasa pertemuan dua hala di sela-sela Mesyuarat *5th Eastern Economic Forum* (EEF) di Vladivostok, Rusia pada 4-5 September 2019. YAB Perdana Menteri telah menyatakan kepada Perdana Menteri Modi bahawa dialog dan rundingan dengan Perdana Menteri Imran Khan perlu diteruskan.

NO. SOALAN : 2

8. Semasa Sesi Ke-73 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York pada 27 September 2019, YAB Perdana Menteri telah secara tegas meminta PBB, terutama Majlis Keselamatan PBB, menentukan pelaksanaan resolusi-resolusi bagi penyelesaian isu Jammu dan Kashmir. Malaysia percaya dialog dan perundingan adalah cara terbaik untuk penyelesaian di antara India dan Pakistan berhubung isu Jammu dan Kashmir.

Tuan Yang di-Pertua,

9. Kerajaan akan terus membangkitkan perkara ini dengan kedua-dua rakan Malaysia iaitu India dan Pakistan. Di samping penyelesaian aman isu Kashmir, perkara yang kita ingin tentukan ialah kepentingan rakyat dan penduduk di wilayah-wilayah berkenaan. Malaysia juga akan terus berkongsi pendirian dan pandangan berhubung isu ini dalam forum-forum antarabangsa seperti OIC.

Sekian, terima kasih.